



SIARAN AKHBAR

MAJLIS APRESIASI PEWAKAF

Melaka, 26 April 2021 – Sempena Bulan Wakaf Kebangsaan tahun 2021 yang dilancarkan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Perdana Menteri pada 13 April 2021 yang lalu, Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Melaka (MAIM) pada hari ini telah menganjurkan Majlis Apresiasi Pewakaf di Hotel Pantai Puteri (JAWHAR-MAIM), Tanjung Kling, Melaka sebagai tanda menghargai para pewakaf, terutamanya yang berada di negeri Melaka.

Dengan tema 'Berwakaf Demi Kemakmuran Bersama', majlis ini dihadiri hampir 100 orang pewakaf sama ada yang mewakafkan aset seperti tanah, rumah kepada MAIM atau yang mewakafkan tunai secara *one off* / potongan gaji. Majlis turut diserikan dengan Bicara Wakaf bertajuk "*Untungnya Seorang Pewakaf*" yang disampaikan oleh Datuk Haji Abdul Halim bin Tawil, Mufti Negeri Melaka. Turut hadir, Datuk Md Rawi bin Mahmud, Timbalan Pengerusi MAIM dan Prof. Madya Dr. Amir bin Shaharuddin, Ketua Pegawai Eksekutif YWM.

Dalam usaha membudayakan amalan berwakaf di kalangan masyarakat, program bersama pewakaf ini dapat mengeratkan lagi hubungan pewakaf dengan YWM atau MAIM yang merupakan pihak bertanggungjawab menjaga dan menguruskan pewakafan

mereka. Ini secara secara tidak langsung menjadikan pewakaf ini sebagai ejen hebahan mengenai wakaf kepada masyarakat.

Berdasarkan data yang diperolehi daripada Sistem Wakaf Tunai Malaysia YWM, terdapat seramai 20,820 pewakaf berdaftar dan daripada jumlah tersebut, seramai 305 pewakaf adalah daripada negeri Melaka yang berwakaf secara tunai melalui potong gaji dengan jumlah terkumpul tertinggi berjumlah RM34,400.00.

Kini, urusan pewakafan menjadi lebih mudah dengan adanya skim berwakaf secara potongan gaji sama ada untuk penjawat awam ataupun swasta. Berwakaf merupakan salah satu ibadah yang mulia dan dilaksanakan secara sukarela.

Sebarang pertanyaan, boleh hubungi Cik Haidatul Azia binti Husin, Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat YWM di talian 019-3883395. Untuk maklumat mengenai wakaf, sila layari www.ywm.gov.my.

Yayasan Waqaf Malaysia

26 April 2021